



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/01/02 (HQ)

### TNB TUTUP 67 PENCAWANG DI PAHANG DAN JOHOR AKIBAT BANJIR

- 5,845 pengguna terkesan
- Pembukaan semula pencawang dilakukan secara berperingkat mengikut situasi banjir

Seramai 5,845 pengguna tidak dapat bekalan elektrik pagi ini berikutan Tenaga Nasional Berhad (TNB) perlu menutup sementara bekalan ke 67 pencawang elektrik di Pahang dan Johor akibat banjir.

Sehingga jam 10 pagi ini, 57 pencawang di daerah Kuantan, Rompin, Maran, Jengka, Jerantut, Bentong, Raub dan Kuala Lipis di Pahang telah dihenti tugas demi keselamatan pengguna.

Sebanyak 10 pencawang di daerah Johor Bahru, Kulai, Johor Jaya, Kluang dan Kota Tinggi turut ditutup di Johor.

Penutupan 67 pencawang ini melibatkan 4,502 pengguna di Pahang dan 1,343 pengguna di Johor.

Sementara itu, 18 pencawang elektrik di Johor dan tiga di Pahang menerima bekalan sementara daripada set janakuasa bergerak.

Usaha menyambung bekalan sementara di daerah Kuala Lipis dan Raub terganggu akibat keadaan banjir yang belum surut dan kejadian tanah runtuh yang menghalang laluan. TNB sentiasa berusaha memulihkan bekalan elektrik dengan mengambil kira aspek keselamatan pengguna dan pekerja TNB.

Sementara itu, paras air Empangan Sultan Abu Bakar (SAB) di Cameron Highlands, Pahang kembali normal.

Siren pertama telah dibunyikan secara putus-putus berserta lampu amaran kuning sejak jam 4.43 petang Ahad (3 Jan 2021) di Empangan SAB untuk memberi amaran kepada penduduk bahawa paras sedang meningkat naik dan supaya bersedia untuk kemungkinan pengungsian jika paras terus meningkat.

Walaubagaimanapun paras terkini adalah normal dan di bawah paras limpahan terkawal (controlled spilling) dan siren putus-putus telah dihentikan pada 2.43 pagi Isnin (4 Jan 2021).

S.A. 2021/01/02 (HQ)

Pengguna di kawasan banjir dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi arahan pihak berkuasa sekiranya diminta berpindah dan menghubungi TNB Careline di talian 15454 jika ada pepasangan TNB yang beralih atau tumbang.

Orang ramai juga dinasihatkan agar berhati-hati ketika menggunakan peralatan elektrik jika premis mereka dinaiki air. Elakkan menyentuh alat elektrik atau suis dengan tangan yang basah dan lembap kerana ia boleh menyebabkan renjatan elektrik.

Setelah banjir surut, pengguna disaran untuk mendapatkan khidmat kontraktor pendawaian yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga bagi memeriksa pendawaian di dalam premis mereka yang dinaiki air.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 4 Januari 2021, jam 3:00 petang**  
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /  
Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*